

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/4/2013

Manifesto Barisan Nasional: Menepati Janji Membawa Harapan

Yakini kegemilangan akan menyusul

4M-8/4/2013



RAKYAT DIDAHULUKAN

Mengapa BN?

Malaysia memerlukan kerajaan yang stabil dan kuat

- Kita perlu mempertahankan apa yang telah kita capai - Kita tidak boleh gadai apa yang dikecapi. Kita tidak boleh perjudikan masa depan kita.
- Kerajaan yang lemah mudah goyah - Kita perlukan sebuah kerajaan kukuh yang berupaya melaksanakan Agenda Transformasi Negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi yang maju sepenuhnya.
- Kita perlu kerajaan yang kuat dan berkeupayaan untuk menjamin kesinambungan perpaduan, kestabilan, kesejahteraan dan keselamatan.
- Berkhidmat untuk rakyat - Kita percaya kepada keadilan sosial dan menjadi inklusif, menyentuh hati nurani dan meningkatkan taraf hidup semua lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan agama.

Rekod pencapaian

- Kejayaan yang dikecapi dalam tempoh 55 tahun tidak boleh dinafikan - Kami adalah parti yang mempunyai rekod pencapaian mantap dan menunaikan segala janji.
- Selama ini, Kerajaan yang diterajui BN telah membawa kemakmuran kepada segenap segmen masyarakat Malaysia.
- Kami akan meneruskan rekod kecemerlangan ini - Sekarang bukan masa untuk bereksperimen. Jangan sesekali lakukan uji keji dengan masa depan kita.
- Kami telah buktikan - BN sentiasa melakukan penambahbaikan. Sepanjang empat tahun lalu, kami mencapai banyak kemajuan besar dalam meningkatkan produktiviti dan sistem penyampaian.

Pengalaman

- Kami berpengalaman mengurus masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya - Politik kami adalah politik perpaduan.
- Kami telah buktikan kemampuan menghadapi cabaran dan mengharungi kesukaran - Sudah berkali-kali, kita berjaya keluar daripada krisis dengan lebih gagah.
- Kami adalah gabungan yang dinamik - Kami sesuai bergerak dengan perubahan landskap tetapi tidak pernah mengorbankan prinsip.

Gerakan Kesederhanaan

- Kami amalkan formula perkongsian kuasa yang efektif - Kami tolak politik benci-mencendi dan pecah belah.
- Kami hormat dan terima kepelbagaian agama dan kaum - Kami membina jambatan; Kami tidak merobohkannya.
- Kami menentang eksploitasi kaum dan agama untuk keuntungan politik - Perpaduan membuahakan kekuatan, perpecahan pula hanya membawa kemusnahan.

Perkongsian kuasa telah teruji

- Gabungan pelbagai parti kami telah teruji - Selepas 55 tahun, ia masih mewakili semua lapisan rakyat dari semua negeri di Malaysia.
- Kami percaya kepada kesinambungan - Para pemimpin datang dan pergi tetapi gabungan tetap utuh.
- Kami amalkan politik konsensus dan keterangkuman - Semua pendapat diambil kira, semua suara didengar.

Memenuhi kehendak rakyat

- Berkongsi harapan dan aspirasi anda - Berusaha keras menjadikannya suatu kenyataan untuk semua.
- Memperkasa rakyat - Parailah yang terurus ke arah masyarakat progresif, moden dan demokratik dengan litizam untuk melindungi hak asasi manusia dan alam sekitar.
- Menepati Janji Membawa Harapan - Memacu rakyat dan negara ke tahap baharu kecemerlangan dan perkhidmatan berasaskan gagasan Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan!

MENANGANI KOS SARA HIDUP

KESUNGGUHAN kita untuk menyediakan keperluan asas dan perkhidmatan pada harga yang rendah dibuktikan dalam produk IMalaysia seperti Kedai Rakyat IMalaysia, Klinik IMalaysia dan Menu Rakyat IMalaysia.

Di Sabah dan Sarawak, Skim Penyeragaman Harga, subsidi pengangkutan dan KRIM sangat membantu menurunkan harga barangan. Dasar Agro Makanan Negara telah diperkenalkan untuk

memastikan harga bekalan asas makanan terjamin dan terjangkau.

Untuk semua rakyat, bantuan RM100 setiap pelajar dan RM250 skim Baurar Buku IMalaysia membantu meringankan beban pembelajaran. Bantuan BRIM untuk isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 dan individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000 pula memberikan kelegaan yang disambut baik oleh banyak pihak.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menambah BRIM sehingga RM1,200 untuk isi rumah dan RM600 untuk bujang dengan bantuan secara tahunan dikekalkan.
- Mempertingkatkan Baurar Buku IMalaysia kepada RM300 dan Bantuan Persekolahan kepada RM150.
- Menyemak semula Dasar Automotif Nasional bagi mengurangkan harga kereta secara berperingkat peringkat antara 20 hingga 30 peratus serta meningkatkan daya saing kereta nasional.
- Menambah bilangan Kedai Rakyat IMalaysia.
- Memperkenalkan produk

IMalaysia di stesen minyak dan pasar raya besar.

- Membuka Klinik IMalaysia di dalam kawasan komuniti padat penduduk.
- Menyediakan lebih banyak Pusat Jagaan Harian IMalaysia untuk ibu bapa bekerja.
- Menurunkan yuran jalur lebar, sekurang-kurangnya 20% dengan jaminan bandwidth internet.
- Memperkenalkan dasar INegara. Harga bagi barangan keperluan asas.
- Memperkenalkan lebih banyak produk IMalaysia yang digerakkan oleh GLC dan sektor swasta.

Setakat ini, kami telah:

- Memperuntukkan RM6.4 bilion pada 2012-2013 untuk BRIM, Baurar Buku IMalaysia dan Bantuan Persekolahan.
- Membelanjakan RM536 juta dalam tempoh dua tahun terakhir untuk Skim Penyeragaman Harga bagi memastikan harga barangan asas di Sabah dan Sarawak adalah sama dengan Semenanjung.
- Membuka 85 KRIM di seluruh negara.
- Membuka empat jelapang padu di baharu dengan gabungan keluasan 19,000 hektar.
- Membelanjakan RM134.8 bilion sejak 2010 bagi pelbagai subsidi seperti beras, tepung, gula, bahan api dan bahan tenaga serta bantuan pendidikan dan kebajikan sosial.
- Memperuntukkan RM150 juta untuk mewujudkan 100 buah Pusat Internet IMalaysia dalam bandar untuk manfaat golongan miskin bandar.
- Melaksanakan inisiatif rasionalisasi subsidi bagi memastikan subsidi hanya dinikmati oleh kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan.
- Memperkenalkan geran pelancaran RM10,000 dan pengecualian cukai untuk penubuhan pusat jagaan harian dan pendidikan awal kanak-kanak.

MENINGKATKAN KEHIDUPAN WARGA BANDAR

HARI ini, lebih daripada 70 peratus penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar. Kerajaan BN telah memulakan, malah akan melipatgandakan usaha untuk membawa perubahan struktural besar bagi menangani corak po-

pulasi semasa.

Lebih banyak langkah akan diambil untuk memastikan pusat bandar dibangunkan secara sistematik dan terancang bagi mengekalkan kualiti hidup mereka yang tinggal di bandar.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menstrukturkan semula Kerajaan termasuk mewujudkan Kementerian baharu seiring dengan anjakan corak demografi bandar di negara ini dan menangani cabaran sosial dan ekonomi bandar.
- Menambah perwalian NGO dan masyarakat awam dalam kerajaan tempatan.
- Memulihkan semula rumah kos rendah dan flat di bandar-bandar.
- Mengambil alih penyelenggaraan prasarana perumahan awam.
- Menyediakan perumahan

awam berkualiti khusus untuk generasi muda yang mencari kerja.

- Menyediakan kemudahan dan kawasan rekreasi bagi meningkatkan kualiti hidup di bandar.
- Memastikan kemudahan pendidikan, latihan dan perkhidmatan kesihatan mencukupi.
- Menambah baik rangkaian pengangkutan antara bandar dan penempatan.
- Membuka lebih banyak Anjung Singgah (pusat perlindungan sementara untuk golongan gelandangan) di kawasan yang diperlukan.

Setakat ini, kami telah:

- Membuka 3 Anjung Singgah yang menyediakan perlindungan sementara, makanan dan rundingan kerjaya kepada golongan gelandangan.
- Membuka 6 lagi Anjung Singgah di kawasan bandar.
- Menambah peruntukan Tabung Penyelenggaraan IMalaysia kepada RM40 juta pada 2013.
- Membuka Pusat Transformasi Bandar (UTC) untuk memastikan kelancaran perkhidmatan awam dan swasta di Kuala Lumpur, Melaka dan Ipoh.
- Membuka 6 lagi UTC di Alor Setar, Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.
- Melaksanakan skema Skim Insurans Berkelompok penjaja dan peniaga kecil.

MENYEDIAKAN RUMAH MAMPU MILIK

DASAR Kerajaan BN selama bertahun-tahun adalah memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi. Tempoh lima tahun terakhir ini menyaksikan pertambahan pembinaan projek rumah mampu milik di negara ini yang dilaksanakan untuk menampung bekalan rumah berterusan.

Selain membina rumah baharu, masalah unit-unit rumah yang perlu dinaik taraf dan dibaiki juga ditangani oleh Kerajaan BN dengan memberi peruntukan dana RM500 juta. Sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk membaiki rumah nelayan di seluruh negara.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Membina 1,000,000 rumah mampu milik digerakkan oleh sektor swasta - termasuk 500,000 buah rumah PRIMA.
- Memastikan harga rumah PRIMA sekurang-kurangnya 20% di bawah harga pasaran.
- Memperkenalkan skim sewa dan milik untuk projek perumahan Kerajaan.
- Memulihkan semula projek perumahan terabang untuk melindungi pembeli rumah.
- Mengambil alih penyelenggaraan semua Projek Perumahan Awam.

- Membantu pemilik rumah berpendapatan rendah dan miskin untuk memperbaiki rumah mereka.
- Menggantikan kawasan setinggan dengan kawasan perumahan tetap yang selesa.
- Memperbaiki perumahan estet dan menyediakan rumah untuk bekas pekerja melalui perkongsian Kerajaan-Estet.
- Memansuhkan yuran setem untuk pembelian rumah pertama berharga di bawah RM400,000.

Setakat ini, kami telah:

- Komited membina 23,000 pangsupuri kos rendah dan sederhana, Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik pada 2013.
- Memperuntukkan RM543 juta untuk 45 projek di bawah Program Perumahan Rakyat bagi pembinaan 20,500 unit rumah.
- Memulihkan 126 projek perumahan terabang melibatkan 30,000 unit.
- Menyediakan RM307 juta pada 2012-2013 untuk memulihkan projek perumahan terabang.
- Menyediakan kemudahan tabung RML2 bilion untuk PRIMA bagi pembinaan 80,000 rumah di lokasi permintaan tinggi pada 2013.
- Memberi pengecualian duti setem sebanyak 50% bagi pemindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembelian hartanah pertama bernilai sehingga RM400,000.

PELUANG MENDAPAT PERKHIDMATAN KESIHATAN BERKUALITI

KERAJAAN memberi subsidi kepada 90% perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi memastikan rakyat mendapat rawatan berkualiti pada harga terendah. Klinik IMalaysia telah pun memperluas rangkaian pusat rawatan pesakit luarnya dan Kerajaan juga menaik taraf klinik di kawasan luar bandar dan bandar di seluruh negara.

Dalam memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan negara yang berkembang, lebih banyak tumpuan diberikan ke arah memperkenalkan perkhidmatan kesihatan yang mampu dibayar dan penjagaan menyeluruh kepada mereka yang menghidap penyakit akibat gaya hidup dan penyakit-kit-penyakit yang boleh memabatkan. Perhatian khusus juga mesti diberikan untuk menjaga populasi tua dan golongan yang memerlukan rawatan khusus dengan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan dan kaedah diagnostik.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Membangunkan sistem nasional yang akan menyediakan akses penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada semua rakyat.
- Menubuhkan Pusat Kanser dan Pusat Jantung di hospital-hospital utama di setiap zon - Utara, Selatan, Timur dan Barat di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.
- Mewujudkan kemudahan

awam untuk rawatan dialisis pinggang di setiap kawasan penduduk berkepadatan tinggi.

- Memperkenalkan sistem kad prihatin kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bagi membolehkan mereka mendapat diskaun harga untuk ubat-ubatan tertentu.
- Memperkenalkan sistem sokongan kepada rumah jagaan untuk golongan warga tua dan mereka yang menghidap sakit kronik.

MEMERANGI GEJALA RASUAH

MEMERANGI dan menghapuskan rasuah akan terus menjadi salah satu keutamaan Kerajaan. Walaupun sudah banyak yang dilakukan sejak bertahun-tahun lalu untuk memperkukuhkan agensi yang me-

merangi dan membuat pendakwaan kes-kes rasuah, kami komited untuk memperhebatkan lagi usaha memerangi gejala itu dan membaiki kedudukan indeks rasuah.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Meningkatkan ketelusan dalam prosedur pereolehan Kerajaan dengan mendedahkan kontrak kepada awam.
- Memberi kuasa kepada SPRM menerusi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM yang akan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan dan pengambilan kakitangan.
- Menaik taraf kedudukan ketua dan pegawai kanan Pesuruhjaya SPRM ke satu

peringkat yang lebih tinggi.

- Memberikan penekanan yang sama rata terhadap siasatan dan tindakan yang dilakukan ke atas pemberi dan penerima rasuah.
- Akses yang cepat kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera.
- Menubuhkan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan Mahkamah Tinggi tambahan untuk kes-kes rasuah.

Setakat ini, kami telah:

- Mewujudkan aka jani dengan komuniti perniagaan untuk menyemai sikap antirasuah.
- Melaksanakan aka jani integriti yang ditandatangani calon-calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum.
- Menambah peruntukan kepada SPRM untuk membesarkan keanggotaan dan aktiviti.
- Menubuhkan 14 buah mahkamah khas rasuah di seluruh pelusok negara.

KE ARAH KECEKAPAN TERHEBAT PENGANGKUTAN AWAM

WALAU sepiantas mana negara kita membangun, jalan raya tidak akan cukup untuk menampung keperluan kenderaan yang terus bertambah bilangannya. Justeru, sistem pengangkutan awam yang cekap dan boleh diharap amat diperlukan.

Kerajaan BN telah membina sistem

LRT, Monorel dan Komuter serta menambah perkhidmatan bas untuk memenuhi pertumbuhan pengangkutan awam. Pertambahan laluan LRT dan Komuter akhirnya akan menggabungkan sejumlah 34km landasan baharu dan 13 stesen baharu untuk kawasan Kelana Jaya dan Ampang di Lembah Klang.

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/4/2013

Manifesto Barisan Nasional: Menepati Janji Membawa Harapan

UM - 8/4/2013

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BERTARAF DUNIA DAN TRANSFORMASI LUAR BANDAR

KERAJAAN BN sentiasa menaik taraf infrastruktur negara untuk menjamin kesinambungan dan pertumbuhan cepak bagi mendorong produktiviti dan ekonomi. Pembangunan infrastruktur juga membuka bidang pertumbuhan baharu yang menggalkan aliran kekayaan dan pembangunan saksama serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang le-

bih banyak di semua peringkat. Bagi manfaat komuniti luar bandar, kami telah membina beribu-ribu kilometer jalan raya, menggali beribu-ribu kilometer untuk memasang paip air, mendirikan beribu-ribu tiang elektrik dan memasang beribu-ribu kilometer talian komunikasi di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Memperbanyakkan lorong dan susur keluar Lebuhraya Utara-Selatan.
- Membina 2,300km Lebuhraya Pan Borneo bermula dari Sematan di Sarawak hingga ke Serudung di Sabah.
- Menyambung Lebuhraya Pantai Timur dari Kuala Krai-Kota Bharu dan Gambang-Segamat.
- Membina Lebuhraya Pantai Barat baharu dari Banting-Taiping.
- Mengurangkan bayaran tol antara bandar secara berperingkat-peringkat.
- Melaksanakan konsep Kampung Abad Ke-21 bagi melonjak transformasi luar bandar dan membawa komuniti berkenaan ke dalam pembangunan arus perdana.
- Membina 6,300km lagi ja-

- lan raya berturap di Semenanjung Malaysia, 2,500km di Sabah dan 2,800km di Sarawak yang memberi faedah kepada kira-kira 3.3 juta penduduk.
- Menyelesaikan masalah bekalan air terawak di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kelantan.
- Memperluas bekalan air bersih untuk 320,000 rumah lagi di seluruh negara.
- Mempertingkatkan bekalan tenaga elektrik kepada 6,000 rumah lagi di Semenanjung, 60,000 di Sabah dan 80,000 di Sarawak.
- Menggalakkan pembekal perkhidmatan telekomunikasi untuk memastikan kualiti perkhidmatan telefon bergerak dan liputan memuaskan di seluruh negara.

Setakat ini, kami telah:

- Memansuhkan tol di Jalan Kuching, Kajang dan Cheras.
- Mengurangkan kadar tol Plaza Petaling Jaya Selatan 2 di Lebuhraya Pantai Baru dan Plaza Sunway dan Kemuning di Lebuhraya Kesas.
- Membekukan selama 5 tahun kenaikan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan Lingkar Tengah, Lebuhraya Link Kedua, Lebuhraya Butterworth-Kulim, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Satu.
- Mempertingkatkan RM18.7 bilion pada 2010-2013 untuk pembangunan infrastruktur luar bandar.

- Komited untuk membina 441km jalan raya menghubungkan kampung dan kawasan luar bandar pada 2013 untuk faedah 220,000 penduduk kampung.
- Memperluas bekalan air kepada 24,000 rumah dan bekalan elektrik kepada 19,000 rumah pada 2013.
- Memperkenalkan Program Transformasi Luar Bandar bagi memastikan penekanan sama rata diberikan untuk pembangunan kawasan luar bandar.
- Mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar di Gopeng, Perak dan Wakaf Che Yeh, Kelantan bagi menyediakan perkhidmatan perniagaan bersepadu.

MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

KERAJAAN BN akan melakukan apa sahaja untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan selesa dan selamat. Usaha kita ke arah itu berhasil dengan penerusan memberangsangkan dalam keseluruhan indeks jenayah nasional dan indeks jenayah jalan antara tahun 2009 dan 2012. Namun, kita menyedari bahawa banyak lagi perlu dilakukan, termasuk meningkatkan lagi rondaan komuniti untuk memastikan keluarga, kediaman dan keadaan jalan raya

negara kita terjamin selamat. Serangan penceroboh bersenjata di Sabah baru-baru ini mengganggalkan semua rakyat Malaysia yang kini menyedari bahawa keamanan dan keselamatan yang kita nikmati sejak sekian lama tidak boleh dipandang mudah. Kita memberi penghormatan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang berkorban nyawa untuk negara dan serentak dengan itu kita bertegas untuk mengukuhkan lagi kawalan sempadan negara.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Meningkatkan jumlah tenaga kerja PDRM, dengan tambahan 4,000 anggota polis pada setiap tahun.
- Memasang lampu di jalan-jalan, lorong-lorong dan laluan bagi mengurangkan lagi jenayah jalanan.
- Mengukuhkan Unit Rondaan Bermotosikal PDRM dengan menambah 5,000 buah jentera tambahan.
- Menambah baik kebajikan, profesionalisme dan kepercayaan Polis, Angkatan Tentera Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.
- Meningkatkan kepercayaan keseluruhan Angkatan Tentera Malaysia untuk menangani apa jua bentuk pencerobohan dan ancaman luar.
- Mempertingkatkan dan mem-

- perkuatkan Suruhanjaya Polis. Menggunakan sistem GPS untuk mengekang pendatang asing tanpa izin.
- Mewujudkan Program SafeCam untuk menghubungkan sistem CCTV swasta dengan awam.
- Mengembangkan secara meluas penggunaan CCTV untuk memantau kawasan-kawasan laluan awam yang sibuk seperti kawasan tempat letak kereta, kawasan riadah, pasar malam dan sekolah.
- Memperkenalkan inisiatif keselamatan di kawasan skim perumahan awam.
- Pengambilan tambahan 50,000 Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis untuk membantu PDRM membuat rondaan dan menjadikan kawasan persekitaran lebih selamat.

Setakat ini, kami telah:

- Mengisytiharkan Zon Selamat Timur Sabah membabitkan 10 daerah dan menempatkan 5 batalion tambahan Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Gerakan Am di samping membina balai polis tambahan.
- Mengaktifkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah di Lahad Datu.
- Menghapuskan ISA, Perintah Kediaman Terhad dan 3 Ordinan Darurat, dan mengantikan dengan Akta Keselamatan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.
- Menggubal Akta Perhimpunan Aman dan Akta Rela yang baharu.
- Menyediakan RM6 juta un-

- tuk menambah anggota polis dan memasang kamera CCTV di 25 buah kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.
- Menambah Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis dari segi jumlah, kemahiran, latihan dan profesionalisme.
- Memulakan kerjasama strategik dengan Angkatan Tentera Malaysia untuk meletakkan lebih banyak anggota keselamatan membuat rondaan.
- Memperkenalkan sistem biometrik untuk warga asing di semua laluan masuk negara.
- Melancarkan Unit Rondaan Bermotosikal PDRM dengan kekuatan 1,000 buah motosikal.

MEMBINA EKONOMI MAPAN, DINAMIK DAN INOVATIF

WALAUPIUN wujud ketidaktentuan ekonomi di kebanyakan negara dunia, Malaysia masih mampu menguruskan impak kemelesetan ekonomi global dan mempertahankan pertumbuhan ekonominya. Ia tidak berlaku secara ketetapan tetapi hasil perancangan

berhati-hati dan strategik yang dirintis oleh Kerajaan BN dan disokong oleh rakyat. Kami komited memperbaiki lagi kedudukan Malaysia dalam ranking daya saing global. Ekonomi berpendapatan tinggi, yang dipacu pelbagai inisiatif transformasi termasuk penekanan terhadap kreativiti dan inovasi berasaskan kepada perubahan sama rata dan adil yang inklu-

sif dan berdaya saing, akan mendorong Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020.



Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menarik pelaburan bernilai RM1.3 trilion dan mencipta 3.3 juta peluang kerja baharu dengan 2 juta daripadanya dalam sektor berpendapatan tinggi.
- Mencapai pendapatan per kapita AS\$15,000 (RM45,000) menjelang 2020.
- Menyediakan insentif khas untuk perniagaan inovatif dan kreatif bagi menjana lebih banyak pekerjaan dan kekayaan.
- Melaksanakan dasar yang adil dan saksama kepada semua kaum di Malaysia termasuk dasar menyokong pertumbuhan, penglibatan besar-besaran sektor swasta dan pembangunan pasaran modal.
- Mempertingkatkan agenda Bumiputera (termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak) menerusi penyediaan peluang-peluang perniagaan, ekosistem yang kukuh (misalnya kemudahan pinjaman dan latihan)

- dan sokongan institusi.
- Bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menyediakan lebih banyak tanah dan meningkatkan produktiviti tanah sedia ada untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan ternakan.
- Membuat pembaharuan dalam struktur cukai sedia ada ke arah sistem percukaian yang lebih terbuka serta mengurangkan cukai individu dan korporat secara berperingkat-peringkat.
- Meneruskan bayaran tunai khas dan pemberian dana untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan sehingga melebihi 20% daripada perolehan minyak dan gas kepada Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan Pahang.
- Melaksanakan pelan transformasi SME dan melahirkan Syarikat Dagangan Negara untuk meneroka pasaran antarabang-

- sa bagi produk SME.
- Melahirkan lebih banyak juara di peringkat serantau dan global dalam kalangan syarikat Malaysia.
- Memastikan GLC terus membanteras pembangunan usahawan melalui pemindahan pegangan bukan strategik GLC dan memperhebatkan program penyumbahan luar kepada syarikat Bumiputera.
- Menyediakan dana saham amanah RM500 juta untuk meningkatkan pegangan ekuiti komuniti India kepada sekurang-kurangnya 3%.
- Menubuhkan sebuah Unit Khas bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar untuk mempertingkatkan kehidupan masyarakat India.
- Meningkatkan akses kredit mikro untuk semua rakyat Malaysia, termasuk RM100 juta diperuntukkan kepada penaja dan peniaga kecil.

MEMBINA KECEMERLANGAN PENDIDIKAN NEGARA

MALAYSIA menyediakan pendidikan rendah dan menengah secara percuma kepada semua penduduk. Pendidikan prasekolah telah diperluaskan dengan penambah 1,700 bilik darjah dan pendaftaran keatas pelajar mencapai 72%. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2013-2025) telah dibentangkan untuk meletakkan Malaysia dalam laluan ke-

arah mencapai pendidikan berkualiti. Dasar Kerajaan BN dalam pendidikan tinggi akan diteruskan dengan penekanan untuk melahirkan graduan berprestasi tinggi dan kebolehpasaran. Peluang untuk mendapat pendidikan tinggi dan latihan kemahiran dan vokasional akan meningkat, begitu juga dengan penyediaan kewangan untuk


mencapai hasrat itu. Kami akan terus berusaha meningkatkan kerjaya guru dan menjadikannya profesion pilihan. Ini akan dicapai menerusi pelaksanaan dasar yang memberi penghargaan kepada guru yang menunjukkan prestasi terbaik, bukan sahaja melalui ganjaran yang lebih baik tetapi juga laluan kenaikan pangkat secara pantas.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Membawa Malaysia ke tahap "kategori tiga teratas" dalam sistem pendidikan terbaik dunia dengan memperbaiki kualiti sekolah kebangsaan.
- Memperbaiki penguasaan Bahasa Malaysia dan Inggeris dalam kalangan pelajar dari tahap prasekolah, dan menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM di semua sekolah.
- Memperbaiki akses untuk pendidikan berkualiti bagi komuniti kecil dan kawasan luar bandar, terutama Sabah dan Sarawak.
- Menyediakan lebih banyak biasiswa berdasarkan merit dengan peruntukan khas kepada komuniti yang kurang bernasib baik.
- Meneruskan peruntukan khas kepada semua jenis sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebang-

- saan Tamil, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Maktab Berasrama Penuh dan sekolah mabuligh.
- Mengembangkan persekolahan satu sesi.
- Merombak institut-institut perguruan dan menaikkan syarat pengambilan guru pelatih.
- Memperkenalkan sistem pembelajaran dan pengajaran yang mudah bagi Bahasa Malaysia di sekolah Cina dan Tamil.
- Membina lebih banyak sekolah, meliputi semua jenis sekolah, di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi.
- Mempertingkatkan prestasi mata pelajaran Matematik dan Sains, dan membentuk kemahiran berfikir yang tinggi dalam kalangan pelajar.
- Menyediakan insentif kewangan sebanyak RM100,000 setahun kepada sekolah yang menawarkan kelas pendidikan khas.

- Menukar status Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kepada sekolah bantuan penuh kerajaan jika sekolah berkenaan ingin berbuat demikian.
- Berikrar menyediakan makmal ICT di sekolah-sekolah yang memerlukan.
- Mentransformasikan sekolah vokasional menjadi kolej dan menambah kemasukan pelajar sebanyak 20%.
- Memperluas pendidikan prasekolah meliputi semua jenis sekolah.
- Menyediakan laluan kerjaya baharu bagi membolehkan 420,000 guru dinaikkan pangkat segera berdasarkan prestasi.
- Menyediakan jalur lebar WiFi secara percuma dan terjamin di semua kampus institusi pengajian tinggi.
- Memperkenalkan skim pemilikan laptop di sekolah-sekolah bersama dengan kemudahan Internet.



MEMPERKASA PENYERTAAN WANITA

DASAR-DASAR kerajaan BN selama bertahun-tahun telah memberikan pilihan kepada wanita untuk berada di barisan depan perniagaan dan inovasi tanpa mengesetikan naluri semula jadi mereka sebagai suri rumah. Tetapi kita perlu bertekad melakukan lebih banyak lagi untuk wanita. Daripada jawatan-jawatan

pentadbiran kepada hierarki korporat, usaha telah dibuat, dan akan terus digiatkan untuk memastikan wanita mempunyai suara yang sama dalam proses membuat keputusan. Kita juga mesti melipatgandakan usaha untuk menghapuskan gangguan seksual dan menyediakan wanita dengan persekitaran yang lebih selamat.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menambah jumlah wanita yang terlibat dalam proses membuat keputusan nasional.
- Menggalakkan kesamaan gender untuk memaksimumkan potensi rakyat Malaysia dalam semua bidang, tanpa mengira jantina.
- Menyediakan lebih banyak peluang bisnes dan ruang bagi menambah pendapatan untuk wanita supaya mereka lebih berkepercayaan untuk berdirikan.
- Mewujudkan lebih banyak insentif

- untuk inisiatif bekerja dari rumah, dengan penekanan yang lebih besar kepada golongan ibu tunggal.
- Membuka pusat-pusat Asehan 1Malaysia di semua pejabat Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta menggalakkan sektor swasta untuk melakukan perkara yang sama.
- Mengetatkan undang-undang untuk mencegah kejadian penderaan dan gangguan seksual di rumah dan di tempat kerja.

Setakat ini, kami telah:

- Meluluskan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja.
- Meluluskan garis panduan tentang gangguan seksual di tempat kerja dalam Perkhidmatan Awam.
- Menambah jumlah cuti bersalin untuk wanita dalam sektor awam kepada 90 hari.
- Melaksanakan dasar bagi memastikan penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan korporat dengan menggalakkan pelantikan wanita sehingga 30 peratus daripada jawatan-jawatan ter tinggi korporat.
- Mengumumkan sekurang-kurangnya seorang wanita di-

Setakat ini, kami telah:

- Menubuhkan Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1 bilion untuk menggiatkan dana aktiviti penyumbahan luar dan pengambilalihan teknologi oleh syarikat Malaysia.
- Menyediakan kemudahan pinjaman kepada penaja kecil dengan pinjaman sehingga RM25,000 untuk licensees dan RM500,000 kepada licensees.
- Menyediakan tabung untuk SME menerusi dana RM1 bilion yang diuruskan oleh Bank SME.
- Menubuhkan TERAJU sebagai unit setempat untuk melaksanakan dan memantau agenda Bumiputera.
- Memperkenalkan dasar bersaing sesama sendiri dan berasaskan merit untuk semua projek pembangunan usahawan melalui pemindahan pegangan bukan strategik GLC dan memperhebatkan program penyumbahan luar kepada syarikat Bumiputera.
- Menyediakan RM2 bilion dari 2008-2013 kepada TEKUN untuk usahawan kecil, termasuk peruntukan khusus RM50 juta kepada komuniti India pada 2013 sahaja.
- Menubuhkan Amanah Ikhtiar Malaysia yang menyediakan kemudahan kredit mikro sehingga RM8 bilion terutama untuk usahawan kecil wanita.
- Menyemak semula Akta Bankrap bagi memberi peluang kedua kepada golongan yang diisytiharkan bankrap dan mereka yang disenarai hitam.
- Menyediakan dana tambahan RM600 juta pada 2013 untuk pembangunan komuniti perniagaan Bumiputera.

Setakat ini, kami telah:

- Mempertingkatkan RM2 bilion dari 2012-2013 untuk menaik taraf dan memperbaiki semua sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Berasrama Penuh dan sekolah mabuligh.
- Menyediakan RM500 juta pada 2013 untuk meningkatkan latihan guru dan memperkenalkan laluan segera kenaikan pangkat guru berdasarkan prestasi.
- Melonjakkan bilangan guru Bahasa Inggeris kepada 70,000 orang dengan 14,000 orang guru dilatih untuk tahun 2013 sahaja.
- Penstrukturan semula Kementerian Pelajaran dengan menyediakan lebih ramai pembantu pentadbiran di semua sekolah untuk mengurangkan beban guru.
- Memulakan projek perintis prasekolah khas untuk golongan yang mengalami ketakapayaan belajar.
- Menyediakan RM3.7 bilion untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan kemahiran vokasional.
- Mempertingkatkan RM1.7 bilion untuk menaik taraf kemudahan di Pusat Latihan Industri dan Institut Kemahiran Belia Negara dari 2010-2013.
- Menubuhkan Pelan Induk Pekerjaan Graduan dan Pasukan Petugas Khas Kebolehpasaran Graduan bagi membantu mereka mencari pekerjaan.
- Mempertingkatkan RM2.6 bilion kepada geran per kapita, Program Bantuan Makanan Asrama, Program Makanan Tambahan, pembelian buku teks dan bantuan kewangan untuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah.

- lantik menjadi ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat GLC.
- Memperkenalkan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang menyediakan latihan kemahiran usahawan kepada ibu-ibu tunggal.
- Mewujudkan program Get Malaysian Business Online (GEMBO) dengan peruntukan RM50 juta untuk membantu usahawan wanita meningkatkan jualan produk-produk mereka secara online.
- Menyediakan pemeriksaan percuma mamogram untuk wanita dan imunisasi HPV kepada remaja perempuan.

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/4/2013

Manifesto Barisan Nasional: Menepati Janji Membawa Harapan

MEMENUHI ASPIRASI BELIA

GOLONGAN belia mewakili dua per tiga daripada jumlah penduduk negara dan suara mereka tidak boleh diketepikan dan dipinggirkan. Kita akan terus menyediakan platform untuk belia

menunjukkan bakat dan pemikiran mereka, menyuarakan kemahuan dan cita-cita mereka, memenuhi hasrat dan aspirasi mereka dan mencipta Jaguh Wilayah dan Global.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menyediakan tabung, latihan dan insentif kepada belia yang mahu melakukan usaha niaga komersial.
- Menyediakan ruang komersial di dalam kompleks beli-belah selama sehari pada setiap bulan untuk golongan belia mempamerkan dan memasarkan produk kreatif dan perkhidmatan mereka.
- Mewujudkan inkubator bagi memupuk kualiti kepimpinan dan kreativiti.
- Melahirkan belia yang lebih berdaya tahan menerusi aktiviti kesukarelawan dalam IM4U.
- Mewujudkan lebih banyak lokasi WiFi percuma dengan penekanan kepada kawasan luar bandar dan separa bandar.
- Melahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa, dan mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat.
- Mengkaji semula undang-undang berkaitan hiburan untuk promosi seni persembahan dan kebudayaan.

Setakat ini, kami telah:

- Menubuhkan Yayasan Usaha Baharu (NEF) untuk inisiatif ICT dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.
- Mewujudkan Tabung Tindakan Strategik Untuk Golongan Muda (SAY IMalaysia) sebanyak RM200 juta bagi menyediakan latihan kemahiran kepada belia yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana.
- Memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk menyediakan bakal-bakal ahli sukan lelaki dan wanita bertanding dalam sukan di peringkat antarabangsa.
- Memperkenalkan Tabung Modal MyCreative sebanyak RM200 juta untuk tujuan mengumpukan idea dan inovasi baharu daripada belia.
- Mewujudkan Tabung Modal DreIM sebanyak RM150 juta bagi menyokong aktiviti kesukarelawan dalam kalangan golongan muda.

MERANCANG JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

DARIPADA golongan kurang upaya fizikal dan mental membawa kepada golongan tua dan terpinggir, adalah menjaja tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan kumpulan-kumpulan ini dengan keperluan asas dan memastikan kesejahteraan dalam kehidupan mereka. Kerajaan BN sentiasa berpegang kepada sistem kebajikan yang meliputi semua

lapisan komuniti tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan.

Dasar-dasar kami diperluaskan kepada kelompok yang tidak bernasib baik di bandar dan luar bandar. Kami menyedari bantuan dan sumbangan daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat Malaysia adalah penting dan perlu untuk usaha-usaha itu memberi impak yang mendalam.

Setakat ini, kami telah:

- Melancarkan KARISMA yang mendapat peruntukan RM3.67 bilion pada tahun 2010-2013 untuk menyediakan bantuan kepada golongan tua, kanak-kanak dan pekerja kurang upaya selain mereka yang menghidap penyakit kronik.
- Meningkatkan bantuan Jaringan Keselamatan Sosial buahan daripada RM80 hingga RM300.
- Memperkenalkan IAZAM dengan tabung permulaan RM400 juta bagi menyediakan peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan.
- Menghadiahkan pembayaran sekali sahaja sebanyak RMI,000 kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia.
- Memperuntukkan RM138 juta untuk menyediakan kemudahan dan peluang pekerjaan kepada Orang Asli pada tahun 2013.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Memperhalusi dan menambah baik jaringan bantuan keselamatan menerusi sistem pangkalan data yang bersepadu.
- Menyediakan bantuan kewangan dan peluang pendidikan untuk golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum.
- Mengubah Brickfields di Kuala Lumpur menjadi zon mesra golongan buta supaya kawasan itu menjadi zon contoh yang bakal mendorong lebih banyak tempat seumpama itu disediakan bagi memenuhi keperluan golongan kurang upaya di tempat-tempat lain.
- Mewujudkan mahkamah khas yang mempunyai status yang sama dengan Mahkamah Tinggi di bawah sistem kehakiman sedia ada, yang mana hakim-hakim akan dibantu oleh penasihat-penasihat yang dipilih dalam kalangan ketua komuniti untuk menyelesaikan isu-isu tanah peribumi.
- Mewartakan semua tanah adat menerusi perundangan bersama kerajaan-kerajaan negeri.
- Menyediakan lebih banyak peluang untuk menjana pendapatan dalam kalangan komuniti pribumi dan meningkatkan bilangan pengambilan pribumi ke dalam pendidikan vokasional, kolej dan universiti.
- Menyediakan tabung untuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan berdaftar dan gerakan masyarakat sivil.

MEMPROMOSIKAN AGAMA ISLAM, KEBEBASAN DAN KEHARMONIAN AGAMA

MALAYSIA diiktiraf sebagai sebuah negara yang menghormati kesatuan dalam kepelbagaian dengan kerajaan bertindak membenarkan amalan beragama. Kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam diiktiraf menerusi statusnya sebagai negara terulung

melaksanakan dan mengamalkan sistem perbankan dan insurans Islam.

Walaupun mendukung Islam sebagai agama Persekutuan, kebebasan untuk golongan bukan Islam mengamalkan kepercayaan masing-masing tetap terjamin,

terpelihara dan kekal dalam Perlembagaan. Kami akan meneruskan kerja-kerja Jawatankuasa Keharmonian Antara Agama untuk menggalakkan bukan sahaja toleransi tetapi penerimaan kepelbagaian budaya dan agama di negara ini.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Mendukung Islam sebagai agama Persekutuan dan memperuntukan syiar dan syariat Islam mengikut prinsip Maqasid Syariah.
- Memastikan agama-agama lain diamalkan dalam suasana aman dan harmoni.
- Isu-isu berkaitan dengan golongan bukan Islam diletakkan di bawah bidang kuasa seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Mempromosikan prinsip kesederhanaan (wasatiyyah) dalam semua pendekatan.
- Meningkatkan inisiatif dalam menyatukan ummah.
- Menjana pendapatan daripada pembangunan tanah wakaf dengan kerjasama Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.
- Menaikkan pengucapan cukai untuk sumbangan ke atas pembinaan, membesarkan

Setakat ini, kami telah:

- Memperoleh pengiktirafan global berhubung keharmonian agama di negara kita.
- Mengiktiraf perayaan keagamaan sebagai acara negara dan cuti umum.
- Menjadikan Tabung Haji sebagai model badan pengurusan haji yang paling cekap.
- Memperoleh pengiktirafan antarabangsa sebagai model negara membangun dan penyumbang idea-idea kepada negara-negara Islam lain.
- Mendapat pengiktirafan sebagai pemimpin dunia dalam pasaran modal dan kewangan Islam, pendidikan Islam dan sebagai hab halal antarabangsa.
- Menyediakan bantuan kewangan kepada pelbagai badan keagamaan untuk pembinaan rumah ibadat.
- Memperkenalkan perbandingan antara agama untuk terus memupuk keharmonian.
- Mewujudkan hubungan diplomatik dengan Vatican.

GERAKAN KESEDERHANAAN GLOBAL

MALAYSIA dipandang tinggi kerana statusnya sebagai sebuah negara Islam yang dihormati, progresif dan menjadi model keseder-

hanaan. Sebagai sebuah negara merdeka, kita akan terus menyokong agenda untuk mewujudkan keamanan global, kemakmuran melalui kesederhanaan, bagi mengurangkan pengaruh golongan ekstremis yang mahu merosakkan

keamanan antarabangsa, persefahaman budaya dan keharmonian antara agama. Kita telah menegaskan berkali-kali bahawa kita komited untuk mengotakan kata-kata kepada tindakan untuk mencapai keamanan sejati yang berterusan.

Setakat ini, kami telah:

- Mendapat pengiktirafan dan peruntukan daripada ASEAN, CHOGM dan ASEAN untuk Gerakan Kesederhanaan Global.
- Membuktikan komitmen kita kepada perjuangan Palestin melalui program-program kemanusiaan kita.
- Menjadi orang tengah dalam menandatangani Rangka Kerja Perjanjian Damai antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).
- Membantu Kerajaan Thailand dalam menstabilkan keselamatan dan membaiki pembangunan sosioekonomi melalui kerjasama bilateral.
- Menubuhkan Universiti Xiamen China dan melancarkan Taman Perindustrian Malaysia-China di Kuantan.
- Menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif (CECA) dengan India melibatkan dagangan keseluruhan berjumlah AS\$15 bilion.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Berjuang untuk penubuhan sebuah negara Palestin.
- Menyokong usaha menjadikan ASEAN sebuah komuniti ekonomi menjelang tahun 2015.
- Berusaha memenangi Kerusi Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memainkan peranan utama dalam keamanan serantau dan keselamatan antarabangsa melalui dasar kesederhanaan.
- Meningkatkan hubungan ekonomi dan kepentingan bilateral dengan negara rakan da-
- gang utama dan ekonomi negara sedang membangun.
- Membentuk Dasar Luar yang menyokong kepentingan-kepentingan strategik politik, ekonomi dan keselamatan kita.
- Mengetuai usaha menentang jenayah-jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan manusia dan dadah.
- Memperbanyakkan program outreach kemanusiaan di wilayah-wilayah konflik seperti Gaza, Tebing Barat, selatan Thailand, Mindanao dan di mana sahaja.

MEMPERKUKUKKAN PERKHIDMATAN AWAM, MENAMBAH BAIK TADBIR URUS

PERTUMBUHAN dan pembangunan negara ini banyak disumbangkan oleh penjawat awam. Mereka merupakan tulang belakang pembangunan ekonomi negara kita, mereka

melindungi sempadan kita, mendukung undang-undang dan ketenteraman awam, mereka mengubat dan menajaga kita serta mengajar dan mendidik anak-anak kita.

Setakat ini, kami telah:

- Memperkenalkan dan memperkembangkan gred skim pengajian untuk penjawat awam termasuk kenaikan gaji secara keseluruhan dan beberapa inisiatif lain yang berjumlah RM2 bilion.
- Menyediakan tambahan tiga kali kenaikan gaji tahunan selaras mata gaji mencecah paras maksimum dalam jadual gaji berkuat kuasa 1 Januari 2013.
- Menyeragamkan gaji anggota polis dan tentera supaya setara dengan anggota perkhidmatan awam bagi menyediakan gred gaji yang lebih tinggi.
- Komitmed untuk menyediakan satu tambahan kenaikan gaji berdasarkan kadar semasa kenaikan tahunan mengikut gred yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.
- Memperkenalkan Skim Perlingkungan Insurans Berkelompok untuk anggota tentera dan polis dengan peruntukan sebanyak RM12 juta.
- Menyediakan pinjaman perumahan tahunan sehingga RM6 bilion untuk kakitangan kerajaan.
- Melaksanakan kenaikan pencen tahunan sebanyak 2 peratus.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Memperkenalkan Skim Gaji Transformatif untuk penjawat awam, termasuk menyemak semula elaan dan menyediakan pergerakan gaji khas sebanyak 3 peratus kepada mereka yang mencapai gaji maksimum jika pada waktu itu tiada semakan gaji dilakukan.
- Penambahbaikan skim perkhidmatan awam dengan menyediakan lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan pembangunan bakat serta memastikan kualiti kehidupan penjawat awam terpelihara.
- Melanjutkan tempoh kontrak para pegawai dan menyerap kakitangan yang cekap ke dalam perkhidmatan tetap.
- Memperluas Pusat Transformasi Bandar ke semua bandar dan pekan utama.
- Merakyatkan Perkhidmatan Awam bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang.
- Mengerakkan dan memperkasa perkhidmatan awam, termasuk Pejabat-Pejabat Daerah dan Kerajaan Tempatan, bagi memenuhi permintaan dan keprihatinan rakyat.
- Menambah baik kaunter perkhidmatan menerusi pelantikan anggota-anggota barisan depan daripada pelbagai kaum dan memperluaskan perkhidmatan online untuk urusan pembayaran dan pemohonan.
- Memperkenalkan program-program pengambilan pekerja untuk memastikan keseimbangan antara kaum dalam perkhidmatan awam dan syarikat berkaitan kerajaan.
- Meningkatkan potensi, kemampuan dan kapasiti semua penjawat awam tanpa mengira kaum dan jantina.
- Memberikan perhatian yang istimewa kepada orang kurang upaya untuk memanfaatkan potensi dan kemampuan yang mereka miliki.

MEMULIHARA SUMBER SEMULA JADI

Di samping sumber-sumber semula jadi kita yang menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi sejak berdekad-dekad lalu, negara ini juga dikurniakan dengan bekalan air yang melimpah dan sinar cahaya matahari yang berterusan. Kita mempunyai sungai dan kawasan pesisiran pantai saujana mata memandang yang kaya dengan pelbagai bentuk hidupan marin.

Kita perlu melindungi semua anugerah alam ini ketika mencari kaedah untuk memanfaatkan tenaga semula jadi itu. Kita akan meneruskan usaha untuk membersihkan sungai dan punca-punca air demi memulihara hutan hujan kita untuk kepentingan generasi akan datang.

Dalam tempoh LIMA tahun ini, kami berjanji untuk:

- Menawarkan insentif kewangan kepada premis komersial dan persendirian yang melabur dalam sumber-sumber teknologi hijau yang boleh diperbaharui seperti tenaga suria dan biomas.
- Memperuntukkan lebih banyak ruang untuk kawasan hijau di bandar-bandar utama.
- Memulihara sungai dan anak sungai menerusi pertambahan peruntukan kewangan dan undang-undang yang lebih ketat, selain memperhebatkan usaha itu melalui program khas UNDP dan Sungai Nadi Kehidupan.
- Menambah program pendidikan untuk menyemai sikap mencintai alam sekitar.
- Memulihara hutan dan melaksanakan program penanaman semula hutan.
- Menguatkuasakan undang-undang yang ketat dan dikemas kini untuk mencegah kegiatan penerokaan secara haram di kawasan-kawasan strategik dan utama.
- Menggunakan teknologi hijau dan terbaharu dalam pengurusan sisa pepejal.

Setakat ini, kami telah:

- Memperkenalkan projek Sungai Nadi Kehidupan melibatkan peruntukan RM500 juta untuk mentransformasikan Sungai Klang dan persekitarannya menjadi kawasan yang ceria, hidup dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.
- Menubuhkan Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui secara efisien.
- Menubuhkan Skim Kewangan Teknologi Hijau bernilai RM3.5 bilion untuk menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat yang menyumbang kepada pengeluaran dan penggunaan produk-produk berasaskan teknologi hijau.
- Menggubal Akta Tenaga Boleh Diperbaharui 2011 sebagai komitmen secara sukarela untuk mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau sehingga 40% intensiti karbon menjelang tahun 2020.